



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK BIL. 2 TAHUN 2011

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

PENGGUNAAN MINYAK PETROL RON 95 UNTUK KENDERAAN JABATAN DI NEGERI PERAK

TUJUAN

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memberi penerangan dan keperluan penggunaan petrol RON 95 untuk kenderaan jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

PENGENALAN

2. RON adalah singkatan kepada "Research Octane Number" yang merujuk kepada kebolehan *gasoline* untuk menahan penyalaan sendiri di dalam enjin, RON adalah gabungan dua campuran asas iaitu *gasoline* dan *pentane* yang memberi pembakaran sempurna kepada minyak petrol.

3. Pada masa ini, kenderaan di jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak menggunakan kedua-dua jenis minyak petrol, iaitu RON 95 dan RON 97. Harga pasaran bagi RON 97 lebih mahal berbanding dengan RON 95.
4. Pihak Jabatan Kerja Raya Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Perak telah membuat kajian dan perbandingan di antara minyak petrol RON 95 dan RON 97.

ASAS PERTIMBANGAN DAN KEPUTUSAN

5. Hasil daripada kajian tersebut, adalah wajar penggunaan minyak petrol RON 95 bagi kenderaan jabatan memandangkan harganya yang lebih murah dan penggunaannya tidak akan menjaskan prestasi enjin kenderaan berkenaan.
6. Sehubungan itu, semua Pegawai Pengawal adalah dikehendaki dan memastikan penggunaan minyak petrol RON 95 untuk kenderaan di jabatan masing-masing. Semua kenderaan yang akan bertukar penggunaan minyak daripada RON 97 kepada RON 95, tangki minyak hendaklah dikeringkan terlebih dahulu kerana percampuran minyak RON 95 dan RON 97 boleh menyebabkan kerosakan pada oxygen sensor.


TARIKH KUAT KUASA

7. Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2011..**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

3 Mac 2011